

Headline	Kaji wujud pasar tani kekal di Pulau Pinang		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	05 Jun 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4,773
Page No	23	Readership	14,319
Language	Malay	ArticleSize	157 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,494
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,482



Kaji wujud pasar tani kekal di Pulau Pinang

BUKIT MERTAJAM 4 Jun - Kerajaan negeri Pulau Pinang akan mengkaji untuk mewujudkan pasar tani kekal serta menambah bilangan pasar tani yang dikelolakan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pertanian dan Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr. Afif Bahardin berkata, pihaknya menyedari ke-



AFIF BAHARDIN

perluan untuk menambah bilangan pasar tani yang memberi kemudahan kepada rakyat mendapatkan barangan keperluan harian pada harga rendah.

Afif berkata, beliau difahamkan Pulau Pinang masih belum memiliki pasar tani kekal berbanding di negeri lain dan keperluannya amat mendesak terutama di kawasan berkepadatan tinggi.

“Kita akui pasar tani menyediakan barangan keperluan harian yang berkualiti pada harga murah dan FAMA berjaya memainkan peranan mereka bagi membantu pengguna.

“Jadi kita akan kaji ke-

perluan untuk menambah bilangan pasar tani sedia ada serta membina sebuah pasar tani kekal seperti di negeri lain,” katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke pejabat FAMA negeri, di sini baru-baru ini.

Lawatan itu disertai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq dan ADUN Permatang Pasisir, Faiz Fadzil.

Dalam lawatan itu mereka diberi taklimat berkaitan operasi FAMA yang disampaikan Pe-

ngarah FAMA negeri, Habibah Sulaiman.

Katanya, selain mewujudkan rangkaian jualan, kerajaan negeri juga akan bekerjasama dengan FAMA untuk meningkatkan jumlah pengeluar serta usahawan yang menghasilkan produk.

Menurutnya, dengan menambah bilangan pengeluar, pastinya lebih banyak produk berada di pasaran dan membantu untuk menurunkan harga barangan melalui permintaan yang tinggi.

“Pulau Pinang memiliki banyak produk terutama makanan yang boleh diketengahkan ke pasaran luar bukan sahaja dalam negara tetapi di negara luar,” katanya.